

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 PENGENALAN

Kajian ilmiah ini bertajuk ‘Pemikiran hukum Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin<sup>1</sup> dalam kitab *Ta’yīd Tadhkirah Muttabi’ al-Sunnah fi al-Rad ‘Alā al-Qā’il bi Sunniyah Rak’atayn Qabl al-Jum’ah*<sup>2</sup> memperkenalkan pemikiran hukum dan metodologi penulisan kitab tersebut. Al-Qur’ān sentiasa menggesa umat Islam supaya berfikir dan meneliti tentang manusia dan alam. Gesaan seperti ini telah memperkuatkan lagi naluri ingin tahu di dalam diri umat Islam.<sup>3</sup> Cabaran yang dihadapi oleh generasi hari ini ialah memahami kaedah yang setepat-tepatnya terhadap pemikiran Islam yang luhur dan aplikasi kepada realiti kehidupan moden yang serba serbi canggih. Maka riwayat hidup dan pemikiran tokoh-tokoh dapat membantu ke arah memahami kaedah amal Islami dengan tafsiran sesuai menurut realiti semasa.<sup>4</sup>

Syeikh Tahir merupakan ulama yang terkenal di Nusantara, banyak menghasilkan karya perundangan Islam<sup>5</sup> dan memberikan sumbangan besar terhadap

---

<sup>1</sup> Dalam penulisan berikutnya akan disebut sebagai Syeikh Tahir.

<sup>2</sup> Dalam penulisan berikutnya kitab ini akan diringkaskan kepada *Ta’yīd Tadhkirah*.

<sup>3</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid, *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam* (Selangor: Dawama Sdn. Bhd, 2003), 17.

<sup>4</sup> Mohammad Kamil Ab. Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Islam* (Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn.Bhd, 2010), xi.

<sup>5</sup> Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 78.

perkembangan ilmu dalam pelbagai disiplin termasuk fiqh,<sup>6</sup> falak,<sup>7</sup> dakwah,<sup>8</sup> pendidikan<sup>9</sup> serta pelopor gerakan islah. Dikenali sebagai Muhammad Tahir bin Sheikh Muhammad atau Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki (1869-1956 M) dilahirkan pada hari Selasa 9 Disember 1869 M di Kota Tua Empat Angkat sebuah daerah di Bukit Tinggi Sumatera Barat.<sup>10</sup> Beliau adalah antara cendekiawan Islam yang berperanan besar dalam usaha membangkitkan kesedaran umat Islam untuk menerima pembaharuan<sup>11</sup> dan dianggap tokoh paling terkemuka dalam gagasan islah di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>12</sup> Selain terkenal membawa aliran pemikiran moden pada zamannya, Syeikh Tahir mempunyai lontaran idea dalam pemikiran hukum dan digarap melalui penulisan kitab beliau.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perkembangan khazanah hukum Islam di alam Melayu amat memberangsangkan sejak dari penerimaan Islam oleh masyarakat Nusantara. Pemahaman tentang corak pemikiran

---

<sup>6</sup> Mohamad Amin Abu Bakar, Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1956M) Terhadap Perkembangan Fiqh di Nusantara (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) Iv, Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 272.

<sup>7</sup> Mohammad Ilyas, Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains, dalam *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam* ed. Sohaimi Abdul Aziz (Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia 2003), 66.

<sup>8</sup> Mafri Amir, "Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia: Studi Pemikiran, Gerakan dan Pengaruh Syeikh Muhammad Thahir Jalal-Din" (Tesis kedoktoran, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2004), 161-164.

<sup>9</sup> *Ibid.*,

<sup>10</sup> Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, No Ruj: 2006/0036682, t.th, 1, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; lihat Hafiz Zakariya, "Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin," *Intellectual Discourse*, vol. 13, no 1 (2005), 49.

<sup>11</sup> Nik Mohd Rosdi, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam *Ilmuan Nusantara* (Kuala Lumpur, Percetakan Zafar Sdn Bhd, 2011), 91.

<sup>12</sup> Mohd Sarim Mustajab, Sheikh Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan Agama dan Perubahan Masyarakat dalam *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam* ed. Sohaimi Abdul Aziz (Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2003), 10.

dan pemikiran hukum Islam yang diamalkan pada sesuatu masa dan tempat amat penting untuk dikaji dan diteliti dalam usaha untuk mencari idea yang terbaik ke arah pelaksanaan hukum Islam yang sempurna dan bertepatan dengan kehendak *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Hukum dan masyarakat ibarat dua keping wang yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Hukum hidup dan berkembang ditengah-tengah masyarakat dan sebaliknya perkembangan masyarakat akan membawa kepada perkembangan hukum seterusnya terbinanya sesuatu hukum.<sup>13</sup>

Dalam meneliti landskap perkembangan pemikiran hukum di Tanah Melayu ianya mengalami perubahan dan pembaharuan. Perubahan dan pembaharuan hukum itu dilakukan untuk menyesuaikan hukum dengan perkembangan sosial dan kehendak masyarakat setempat kerana pelbagai perubahan yang diperlukan masih dibolehkan bagi menunjukkan sifat dinamisme syariah itu sendiri berhadapan dengan keperluan masyarakat.<sup>14</sup> Pemahaman pemikiran hukum Islam oleh ulama Melayu perlu dilihat melalui perkembangan zaman yang mereka lalui. Corak pemikiran hukum yang adaptif perlu diamalkan pada sesuatu masa dan tempat untuk diketahui dan dikaji selanjutnya. Pola perkembangan pemikiran ulama Melayu terdahulu perlu dilihat secara jelas untuk mendapatkan manfaat hukum dan satu penanda aras bagaimana pemikiran hukum berkembang dan berlaku pada zaman tersebut. Ia perlu kepada proses berterusan untuk memantapkan usaha pemahaman hukum yang sebenar dengan memahami realiti

---

<sup>13</sup> Lihat Mohd. Muhibuddin, *Penyelesaian Perkara Ahli Waris yang Hilang: Studi Atas Penetapan Pengadilan Agama Bantul Tahun 1999-2001*, (Yogyakarta, UCY, 2003), 1.

<sup>14</sup> Amir Mualim, *Ijtihad dan Legilasi Muslim Kontemporer* (Yogyakarta, UII Press, 2006), ix-xiii.

masyarakat dan perubahannya adalah faktor penting dalam proses pembinaan hukum.<sup>15</sup> Di antara unsur yang mempengaruhi corak pandangan mereka kerana setiap zaman ada persoalan, kejadian dan keperluannya yang tersendiri terhadap perkembangan hukum Islam.<sup>16</sup>

Dalam pengkajian hukum Islam di Tanah Melayu terdapat beberapa pandangan negatif yang dikaitkan dengan ketidakmampuan manusia Melayu di dalam membangunkan kerangka pemikiran.<sup>17</sup> Pandangan dalam kalangan sarjana Barat yang memandang sinikal perundangan hukum Islam.<sup>18</sup> Kajian dan kritikan yang diusahakan oleh sarjana Barat ini berkecenderungan untuk menggambarkan sikap negatif yang melampau bagi bangsa Melayu<sup>19</sup> dan memperkecilkan peranan Islam dalam masyarakat Melayu. Terdapat sesetengah sarjana moden yang melihat secara negatif pencapaian ulama Melayu yang dikatakan sebagai jumud<sup>20</sup> tidak menyumbangkan apa-apa sumbangan yang bermakna dalam keilmuan Islam serta terpengaruh dengan pendekatan taqlid dan terlalu mengikut kehendak raja Melayu.<sup>21</sup> Kebanyakan sarjana Barat yang

---

<sup>15</sup> Abdul Karim Ali, Pengambilkiraan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan dan Batas dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun* (Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 60.

<sup>16</sup> Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Transformasi Fikah Semasa* (Selangor: PTS Islamika Sdn.Bhd, 2010), 6; lihat Mahmood Zuhdi Abd Majid, Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 7-8.

<sup>17</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Tradisi Intelektual Melayu-Islam: Daripada Metafora kepada Sainifikisme" (Makalah, Seminar Internasional Sunda Islam-Melayu Nusantara Reaktualisasi Nilai-Nilai Budaya Dua Bangsa Serumpun, Bandung, Indonesia, 21-22 Januari 2011).

<sup>18</sup> Mohd Daud Bakar, "Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam," *Jurnal Syariah*, j. 5, bil. 1, (1997), 3-4.

<sup>19</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, *Kebudayaan Melayu dan Islam di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan*, dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan* (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006), 27-29.

<sup>20</sup> M.B. Hooker, *Islamic Law in Southeast Asia*, (Singapore, t.t.p, 1984), 36.

<sup>21</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., *Pemikiran Reformasi Melayu Semasa: Satu Analisis*, dalam *Bahasa dan Pemikiran Melayu* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2005), 335.

mengkaji pengaruh syariah terhadap undang-undang adat Melayu memburuk-burukkan undang-undang Islam yang dianggap sebagai ketinggalan zaman, zalim, tidak berperikemanusiaan dan banyak lagi bentuk keburukan yang dinisbahkan kepada syariah Islam.<sup>22</sup> Hal keadaan ini bermotifkan untuk merosakkan fahaman Islam sejati dengan menerapkan kaedah dan paradigma yang salah.<sup>23</sup> Justeru, semua sifat buruk yang dipunyai oleh orang Melayu dikatakan berpunca dari pengamalan mereka terhadap ajaran Islam seperti suka berserah kepada takdir, tidak menghargai masa, menolak pemodenan dan sebagainya.<sup>24</sup> Konflik ini mengakibatkan pelbagai prasangka dan kesalahfahaman<sup>25</sup> yang menyebabkan syariah Islam kerap dijadikan tohmahan buruk dan banyak nisbah negatif yang dilemparkan oleh dunia akademia Barat yang telah mempengaruhi sebahagian besar penganut Islam itu sendiri.<sup>26</sup>

Menurut sarjana Barat M.B Hooker ulama Melayu atau sarjana Melayu dilihat tidak menghasilkan suatu karya original serta tidak menyumbangkan apa-apa sumbangan pada pemikiran hukum. Mereka hanya mampu bertindak sebagai penterjemahan kitab Arab semata-mata. Peranan mereka hanya terserlah dalam bidang perterjemahan karya-karya Islam<sup>27</sup> dan mendakwa tiada suatu paradigma keilmuan yang

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> Ahmad Ghorab, *Subverting Islam: The Role of Orientalist Centres* (Petaling Jaya: The Open Press, 1995), 16-17

<sup>24</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Genre Orientalism dan Sejarah Islam di Alam Melayu: Satu Analisa Kritikal" (kertas kerja, Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Hotel Holiday Inn Shah Alam, 24 Julai 2010).

<sup>25</sup> Tatiana Denisova, "Kajian Teks-Teks Melayu Islam di Barat: Masalah dan Kesalahfahaman Utama", *Jurnal Afkar*, bil. 9, (2008), 129.

<sup>26</sup> Asep Syamsul M. Romli, *Demonologi Islam: Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2000), 8-18.

<sup>27</sup> M.B. Hooker, The Translation of Islam into Southeast Asia, dalam *Readings on Islam in Southeast Asia* (Singapore, t.t.p, 1985), 11.

mengupas elemen pemikiran hukum.<sup>28</sup> Teori ini seolah-olah mengatakan ulama atau sarjana Melayu tidak berfikir dan perkembangan pemikiran hukum tidak pernah berlaku. Pandangan Hooker yang memandang rendah sumbangan ulama Melayu silam yang dikatakan sebagai penterjemah karya-karya ulama Timur Tengah tanpa disertakan dengan daya analisis yang memasukkan pandangan ulama Melayu.<sup>29</sup> Kajian ini akan melihat pandangan negatif yang dikemukakan oleh sarjana Barat ini adalah tidak benar. Kebanyakan sarjana Barat berusaha menggunakan setiap alasan untuk membuktikan sifat-sifat negatif Islam.<sup>30</sup> Banyak kajian mendapati bahawa zaman awal di Tanah Melayu berlakunya perkembangan pemikiran hukum dalam kalangan ulama dan sarjana Melayu. Kesedaran tentang kepentingan hukum mendorong para pemikir berusaha untuk mengkaji dan menyelidiki pengertiannya secara lebih mendalam dan terarah.<sup>31</sup>

Penulis akan mengetengahkan corak pemikiran hukum yang dilontarkan oleh Syeikh Tahir. Pola pemikiran beliau mempunyai nilai intelektual dan keilmuan yang tinggi berbanding dengan apa yang telah didakwa oleh sarjana Barat yang kebanyakannya berusaha menggunakan setiap alasan untuk membuktikan sifat-sifat negatif Islam.<sup>32</sup> Kesarjanaan pemikiran hukum Syeikh Tahir perlu dikaji kerana ia merupakan intipati perkembangan fiqh ketika itu. Lontaran idea beliau perlu dianalisis kerana ianya warisan yang kaya dengan asas-asas perbendaharaan ilmu dengan memperincikan paradigma keilmuan yang diusahakan demi untuk iktibar masyarakat

---

<sup>28</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., "Impak Genre Orientalisme dalam Sejarah Tamadun Islam: Analisis Terhadap Perkembangan Semasa," *Jurnal Sejarah*, j. 1, (2010), 157-173.

<sup>29</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Genre Orientalism," 1-16.

<sup>30</sup> Tatiana Denisova, "Kajian Teks-Teks," 131.

<sup>31</sup> Andrea Ata Ujan, *Membangun Hukum Membela Keadilan Filsafat Hukum* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 2009), 35.

<sup>32</sup> Tatiana Denisova, "Kajian Teks-Teks," 131.

dimasa hadapan. Sesungguhnya rantau Nusantara mempunyai ramai ulama yang merupakan pemimpin pada zamannya yang menjadi pencetus kelahiran karya-karya intelektual yang kreatif. Nama-nama mereka mungkin telah diperkenalkan tetapi ilmu mereka masih tersembunyi.<sup>33</sup> Tempoh semenjak abad ke-16 hingga awal abad 20 banyak melahirkan asas-asas intelektualiti yang cemerlang melalui pelbagai karya yang tahan zaman tetapi sayangnya karya-karya ini belum dikaji secara menyeluruh dan diteliti baik di dalam lingkungan dunia Melayu itu sendiri mahupun dalam dinamika wacana intelektual.

Penulis memilih kitab *Ta'yīd Tadhkirah* sebagai bahan kajian berbanding kitab-kitab Syeikh Tahir yang lain kerana sebahagian besar kandungan kitab tersebut memperlihatkan pengamatannya terhadap hukum Islam berbanding dengan kitab-kitab yang lain. Pelbagai karya dan kitab yang ditulis oleh Syeikh Tahir membuktikan bahawa beliau bukan sekadar produk pemikiran Islam yang berkembang di Timur Tengah tetapi beliau telah menjadi penggerak bukan sekadar penyalin tetapi secara kreatif melakukan pembaharuan sehingga menjadi lebih bermakna bagi lingkungan masyarakat Melayu Nusantara. Memang masih banyak yang belum diketahui dan difahami tentang tradisi intelektualiti Islam di dunia Melayu. Perkembangan ilmu ini hanya dapat direalisasikan apabila kita mampu menelaah khazanah ilmu yang pernah ditulis oleh ilmuan-ilmuan.<sup>34</sup> Justeru itu, kajian ini diharap dapat menghargai keunggulan sentuhan kebudayaan masyarakat Melayu yang pernah melahirkan tamadun material dan intelektual yang

---

<sup>33</sup> Abdul Hayei Abdul Syukur, "Sumbangan Tok Kenali Terhadap Gerakan Tajdid di Kelantan," *Jurnal al-Bayan*, vol. 1, (2003), 3.

<sup>34</sup> Shahibudin Lamin, *Pemikiran al-Kindi Pengaruh Terhadap Intelektual Muslim di Malaysia dan Indonesia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 59.

tinggi di rantau alam Melayu suatu masa dahulu<sup>35</sup> agar ianya dianalisis supaya manfaatnya dapat dikembangkan kepada generasi yang akan datang.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian membuktikan penglibatan ulama-ulama Melayu di dalam bidang perundangan hukum Islam tetapi kebanyakannya tidak banyak mendapat pendedahan dalam karya-karya ilmiah. Syeikh Tahir merupakan ulama yang terkenal di dalam bidang falak dan fiqh. Kebanyakan kajian hanya memfokuskan kepada bidang falak dan peranan beliau sebagai tokoh pembaharuan pemikiran Islam.<sup>36</sup> Penulis akan menganalisis bagaimana metode penulisan beliau di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah*, apakah perbincangan hukum yang terdapat di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah*. Adakah penulisan beliau terpengaruh dengan corak penulisan klasik terdahulu. Bagaimana pola pemikiran fiqh Syeikh Tahir di dalam persoalan *khilāfiyyah*. Bagaimana pemikiran hukum beliau berperanan menyediakan asas kepada pembinaan hukum berpandukan kepada hujah-hujah untuk menerbitkan hukum dan apakah impak pemikiran hukum Syeikh Tahir.

Proses perkembangan pemikiran hukum ketika itu juga dilihat melalui pendekatan bagaimanakah soal fungsi akal memainkan peranan penting dalam memahami ajaran Islam.<sup>37</sup> Akal sangat berperanan untuk memahami kebenaran ajaran

---

<sup>35</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., "Konsep Fiqah Malaysia dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan, *Kajian Malaysia*," vol. 28, no. 2, (2010), 17.

<sup>36</sup> Mohd Sarim Mustajab, "Syeikh Tahir Jalaluddin," 10.

<sup>37</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Fiqh Malaysia," 28.



Islam baik berkaitan dengan persoalan aqidah atau hukum Islam.<sup>38</sup> Persoalan ijthid dan taqlid dilihat telah menimbulkan polemik kepada dua gerakan berpengaruh pada ketika itu yang membawa timbulnya pengaruh Gerakan Tradisionalis dan pengaruh Gerakan Reformis di Tanah Melayu.<sup>39</sup> Persoalan pandangan ulama terhadap kitab fiqh klasik<sup>40</sup> kedapatan sebahagian ulama yang berpegang dan mempertahankan budaya taqlid manakala sebahagiannya berpandangan jauh supaya pintu ijthid perlu dibuka seluas-luasnya.<sup>41</sup> Persoalan idea-idea tajdid dalam kalangan ulama di Tanah Melayu<sup>42</sup> serta pengaruh perkembangan mazhab Shafi'i di Tanah Melayu. Kesemua perbincangan tersebut perlu diberi perhatian dan kajian berterusan kerana ianya mempunyai kaitan dalam proses perkembangan pemikiran hukum Islam di Tanah Melayu. Maka di sinilah pendekatan pemikiran hukum ulama Melayu dikaji dengan teliti agar proses perkembangan hukum Islam di Tanah Melayu secara umumnya dapat dihuraikan. Oleh itu antara masalah kajian ini adalah :

1. Bagaimana biodata dan ketokohan Syeikh Tahir sebagai seorang sarjana Islam dan ulama yang telah banyak memberi sumbangan kepada pemikiran intelektual Islam di Tanah Melayu.

---

<sup>38</sup> A. Athaillah, *Rasyid Ridhā: Konsep Teologi Rasional dalam Tafsir al-Manar* (Jakarta: PT Gelora Aksara, 2006), 61.

<sup>39</sup> Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UITM, 2009), 4-5.

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Perbezaan pandangan terhadap kitab fiqh klasik di dalam persoalan *khilāfiyyah* berkenaan jilatan anjing di antara fahaman Kaum Muda dan Kaum Tua. Ulama yang menyokong pendapat Kaum Muda telah melihat fiqh di dalam perspektif yang luas, iaitu merangkumi pendapat keempat-empat mazhab di dalam kitab fiqh. Mereka juga mengambil kira pendapat selain daripada mazhab Shafi'i manakala bagi Kaum Tua mereka membataskan kepada melihat pendapat daripada kitab dan pendapat mazhab Shafi'i sahaja, lihat kupasannya dalam Nik Abdul Aziz Nik Hassan, 'Perbincangan Tentang Jilatan Anjing: Satu Perhatian,' *Jurnal Jebat*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, (1980), 176-180.

<sup>42</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., *Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori dan Realiti dalam Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 94-95.

2. Apakah metodologi penulisan yang diaplikasikan oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fī al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah*.
3. Bagaimanakah corak pemikiran hukum Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fī al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah*.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya objektif kajian penyelidikan ini ialah:

1. Mengkaji biografi sarjana Melayu Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin yang merangkumi asal usul, pendidikan, perkahwinan, guru-guru beliau serta suasana zaman yang wujud dalam persekitaran hidup beliau sama ada dari sudut kemasyarakatan, politik dan keilmuan.
3. Menganalisis metodologi penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fī al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*.

4. Menganalisis pola dan corak pemikiran hukum Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*.

Justeru itu, dalam menjejaki jawapan kepada persoalan tersebut maka pembahasan kajian ini difokuskan kepada tajuk : Pemikiran hukum Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

1. Kajian ini memperkenalkan biografi Syeikh Tahir serta mendalami lontaran idea dan pemikiran hukum berdasarkan sumber-sumber yang mampu menggambarkan aspek pemikiran beliau.
2. Memperkenalkan kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah* sebagai salah satu kitab fiqh yang ditulis oleh Syeikh Tahir serta menjelaskan sejarah pengenalan, kandungan, perbahasan serta metode penulisan yang terdapat di dalam kitab tersebut.
3. Meneliti tradisi intelektual ulama Melayu Syeikh Tahir dalam usaha beliau menerapkan paradigma keilmuan melalui pemikiran hukum. Kajian ini juga diharap dapat memberi sedikit sumbangan secara ilmiah dalam bidang Pengajian Syariah yang

mana buku-buku rujukan mengenai sejarah dan perkembangan pemikiran hukum di Tanah Melayu hampir tidak wujud dipasaran.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Dalam kajian ini, penulis akan menumpukan kepada biografi, metode penulisan serta corak pemikiran hukum Syeikh Tahir di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*.

## **1.6 KAJIAN LEPAS**

Berdasarkan kajian dan carian penulis kajian khusus mengenai pemikiran hukum Syeikh Tahir di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah* masih belum dilakukan. Perbincangan kajian-kajian yang terdahulu lebih memfokuskan kepada kajian sebagai tokoh pemikir dan pelopor pembaharuan Islam, pendekatan dakwah dan sumbangan beliau di dalam fiqh dan falak, perjuangan islah di Tanah Melayu dan Nusantara. Terdapat beberapa kajian yang mempunyai kaitan dan kesinambungan dengan kajian penulis antaranya ialah :

Pembentangan kertas kerja berkaitan ketokohan Syeikh Tahir telah ditulis di dalam seminar, kertas kerja, artikel & jurnal yang telah diadakan dan dibentangkan dalam dunia akademik antaranya Seminar Keilmuan Falak Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Abdullah Fahim: Perintis Ilmu Falak Moden (5 September 2005 di Pulau Pinang) kertas 5 pembentangan ini tertumpu kepada ketokohan dan sumbangan besar Syeikh

Tahir dalam perkembangan dan pengajian ilmu falak di Tanah Melayu. Huraian perbincangan hanya memfokuskan tokoh-tokoh ilmu falak di dunia Melayu dan sumbangan besar mereka terhadap perkembangan ilmu falak khususnya di Tanah Melayu dan kajian juga mendapati banyak karya-karya yang dapat dikesan daripada kepesatan perkembangan ilmu falak ketika itu. Di samping itu kajian juga secara umum menjelaskan peranan dan sumbangan beliau terhadap perkembangan ilmu falak. Begitu juga kertas kerja yang ditulis oleh Wan Zailan Kamarudin Bin Wan Ali dengan tajuk *Kitab Risalah Penebas Bid'ah-bid'ah di Kepala Batas: Analisis dari Perspektif Pemikiran Islam* di dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam dalam Masyarakat Malaysia, (5-6 Oktober 2001 di Universiti Malaya) fokus utama kajian tertumpu kepada persoalan *bid'ah* yang menjadi isu perdebatan di antara Kaum Tua dan Kaum Muda berkenaan amalan-amalan *bid'ah* yang melingkari masyarakat Melayu pada ketika itu, kajian juga melihat pemikiran dan penegasan Syeikh Tahir di dalam isu *bid'ah* dan cadangan penyelesaian beliau untuk mengharmonikan perselisihan pendapat atau *khilāfiyyah* sesama muslim di dalam isu-isu *bid'ah*. Terdapat juga penulisan di dada-dada akhbar seperti di dalam Utusan Melayu bertarikh 07/06/2004 oleh Ustaz Wan Mohd Shaghbir Abdullah bertajuk *Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari Ahli Falak Dunia Melayu'* kajian penulisan ini ditulis secara umum dengan meneroka sejarah latar belakang Syeikh Tahir secara ringkas meliputi biografi, pendidikan, catatan perkahwinan, siri pengembaraan dan pengalaman beliau di beberapa tempat di Nusantara. Pengenalan kepada penulisan karya-karya beliau serta ketokohan dan sumbangan beliau terhadap perkembangan ilmu falak khususnya di Tanah Melayu dan Nusantara. Tidak dinafikan kajian dan artikel yang ditulis oleh Ustaz Wan Mohd

Shaghir Abdullah dilihat satu penulisan yang baik berdasarkan rujukan-rujukan yang terdapat di dalam simpanan beliau tetapi penulis berpendapat penulisan beliau ditulis terlalu ringkas dan secara umum kerana melihat kepada keterbatasan ruangan penulisan artikel didalam akhbar yang ditulis secara ringkas dan penulisan juga tidak membincangkan elemen-elemen mengenai pemikiran hukum Syeikh Tahir.

Buku yang ditulis oleh Bachtiar Djamily pada tahun 1994 bertajuk *Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Riwayat Hidup dan Perjuangan* diterbitkan oleh Penerbit Asmah Publisher, Kuala Lumpur. Buku ini adalah di antara buku dan kajian terawal yang banyak menghuraikan sejarah riwayat hidup Syeikh Tahir secara terperinci bermula dari nama, keperibadian, perkahwinan, peringkat awal zaman kelahirannya, sewaktu kanak-kanak, zaman remaja, kembara beliau di dalam menuntut ilmu di Makkah dan Mesir. Kesemuanya perbincangan tersebut dibahasakan secara sistematik dan mengikut aturan sejarahnya dengan teliti dan komprehensif. Bachtiar Djamily turut memfokuskan kepada elemen-elemen pemikiran Syeikh Tahir dalam perbagai bidang seperti pendidikan, amalan beragama dalam masyarakat, politik dan islah, sastera Islam dan sebagainya. Dengan beredarnya buku ini di pasaran, penulis melihat ia menjadi salah satu rujukan ilmiah yang terpenting bagi pengkaji-pengkaji yang ingin mendapatkan maklumat mengenai ketokohan dan sejarah perjuangan Syeikh Tahir. Banyak dapatan baru dapat dihasilkan kerana selain kajian secara penghasilan data dan maklumat, kajian lapangan juga dilakukan secara terancang. Ia menjadikan buku ini menjadi pilihan kepada pelajar-pelajar di Malaysia dan Indonesia untuk dijadikan sebagai rujukan ilmiah berkenaan sejarah dan kehidupan Syeikh Tahir secara lebih

mendalam. Melalui pemerhatian penulis, tiada perbahasan pemikiran hukum yang dibahaskan di dalam buku tersebut, hanya pemikiran pembaharuan serta peranan beliau sebagai ulama yang berwibawa dalam memertabatkan ilmu dan pendidikan serta sumbangan besar beliau kepada masyarakat di Tanah Melayu, Indonesia dan Nusantara umumnya.

Terdapat buku bertajuk *Syeikh Tahir Jalaluddin: Pemikir Islam* buku ini adalah hasil daripada Seminar Kefahaman Budaya tahun 1998 yang di adakan di Universiti Sains Malaysia. Sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan di seminar tersebut, hasil dapatan daripada pembentangan kertas kerja tersebut telah dibukukan dan disunting oleh Suhaimi Abdul Aziz dan diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia pada tahun 2003. Antara intipati kandungan kertas kerja di dalam buku tersebut, kajian mengenai Syeikh Tahir sebagai tokoh pembaharuan agama dan pembaharuan masyarakat. Kajian memperincikan peranan yang dimainkan oleh Syeikh Tahir di dalam masyarakat melalui tajdid hukum secara total, kajian pengaruh pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Syeikh Tahir, kajian memfokuskan beliau sebagai model contoh intregrasi dalam bidang syariah dan sains serta sumbangan beliau terhadap perkembangan persuratan Islami dan fahaman pembaharuan dalam Islam melalui puisi. Kesemua perbahasan tersebut dikupas dan huraikan dengan menarik justifikasi ketokohan beliau di dalam pelbagai lapangan ilmu menjadikan beliau sarjana dan ulama yang disegani di rantau alam Melayu.

Kajian Doktor Falsafah UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, yang ditulis oleh Mafri Amir pada tahun 2004 tajuk kajian *Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia: Studi Pemikiran, Gerakan dan Pengaruh Syeikh Muhammad Thahir Jalal-Din*. Ianya merupakan kajian tentang riwayat hidup dan ketokohan Syeikh Tahir sebagai tokoh reformis Islam yang memperkenalkan gagasan dan gerakan pembaharuan di dunia Melayu-Indonesia. Penekanan secara terperinci dilihat kepada salasilah keluarga dan keturunan Syeikh Tahir bermula dari kelahiran hingga kematiannya. Penulis melihat kajian ini dihuraikan melalui kajian dokumen yang didapati di Arkib Negara Malaysia. Kajian lapangan juga dilakukan secara konsisten dengan menemuramah keluarga-keluarga terdekat Syeikh Tahir. Mafri Amir menyatakan Syeikh Tahir merupakan seorang tokoh reformasi yang telah dapat menganjak paradigma pemikiran sebahagian umat Islam yang dahulunya masih terikat dengan elemen-elemen tradisional kepada pemikiran yang lebih progresif. Mafri Amir turut membuat kesimpulan, reformasi Islam yang berlaku di dunia Melayu-Indonesia pada awal abad ke-20 adalah lahir daripada sumbangan pemikiran, gerakan dan pengaruh Syeikh Tahir sendiri. Beliau juga turut menyentuh tentang karya-karya Syeikh Tahir dalam bidang fiqh dan falak, huraian kepada gagasan yang dibawa oleh Syeikh Tahir serta gerakan dan pengaruh reformis di Tanah Melayu dan Indonesia. Walaupun huraian kajian ini dilakukan secara terperinci, penulis mendapati perbahasan pemikiran hukum tidak disentuh oleh pengkaji, pembahasan hanya memfokuskan kepada pemikiran terhadap aspek aqidah, tarekat, dakwah serta pemikiran pembaharuan pendidikan.



Kajian Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, ditulis oleh Khadijah Bt Sulaiman pada 2004 yang bertajuk *Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dan Pemikirannya Mengenai Islam*. Fokus utama kajian ini untuk mendapatkan maklumat mengenai Syeikh Tahir dalam memainkan peranan penting sebagai pemimpin Reformis Islam atau pemimpin Kaum Muda yang mendapat inspirasi dari Timur Tengah sebagai ulama yang mencabar dominasi sebelumnya dari ulama tradisional yang dikenali sebagai Kaum Tua. Fokus kajian juga menjelaskan pemikiran Islam Syeikh Tahir dalam konteks arus pemikiran pembaharuan serta mengenalpasti gaya pemikiran Syeikh Tahir terutamanya berdasarkan tulisan-tulisan beliau termasuklah pola pemikiran Kaum Muda sebagai mewakili pemikiran, tindakan, sumbangan yang boleh menggambarkan pemikirannya mengenai Islam.

Kajian Ilmiah Sarjana Muda yang ditulis oleh Norhayaty Abd Wahid pada tahun 2003 kajian bertajuk *Aliran Pemikiran Modenis: Tumpuan Terhadap Pemikiran Syeikh Tahir Jalaluddin*. Antara matlamat kajian tertumpu kepada bioadata Syeikh Tahir merangkumi keturunan dan kelahiran, kepribadian, pendidikan, guru dan murid-murid beliau. Kajian juga cuba meneliti sumbangan dan pembaharuan yang telah dilakukan oleh Syeikh Tahir khususnya melalui penulisannya di dalam majalah *al-Imam*. Pembahasan juga membangkitkan peranan beliau sebagai pimpinan kanan gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu.

Seterusnya kajian oleh Mohamad Amin Bin Abu Bakar kajian Tesis Phd Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi tahun 2012. Kajian bertajuk

*Sumbangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Al-Falaki Terhadap Perkembangan Fiqh dan Falak.* Antara intipati kajian menganalisis biografi dan karya Syeikh Tahir daripada pelbagai sumber dan melihat sejauh mana sumbangan beliau terhadap perkembangan fiqh dan falak. Secara keseluruhan kajian memfokuskan penyelidikan analisis dokumen terhadap data-data yang relevan melalui teks-teks dan bahan-bahan yang ditemui. Pengkaji turut melakukan penyelidikan lapangan seperti temubual dan pemerhatian. Antara dapatan kajian yang diperolehi sumbangan Syeikh Tahir terhadap perkembangan fiqh dan falak di Nusantara yang banyak dicurahkan melalui karya-karya penulisan, proses pembelajaran dan pengajaran, khidmat kepada masyarakat dan negara. Dapatan kajian juga mendapati Syeikh Tahir merupakan tokoh terawal di Nusantara yang memperkenalkan penulisan fiqh bentuk baru yang berbeza dengan corak penulisan ulama-ulama terdahulu. Beliau merupakan seorang ulama yang mahir serta dapat mengaplikasikan ilmu falak tradisional dan moden. Sumbangan kajian ini diharap dapat menyuntik penyelidikan dan wacana lebih lanjut mengenai ketokohan ulama-ulama Nusantara lain seperti yang ditunjukkan oleh Syeikh Tahir disamping dapat menambah khazanah ilmu dalam kajian fiqh dan falak.

Hasil dari kajian dan penelitian penulis mendapati belum terdapat mana-mana kajian mengenai metodologi penulisan Syeikh Tahir di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah* dan pemikiran hukum beliau di dalam kitab tersebut. Kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan kepada ketokohan beliau berkaitan aspek-aspek mengenai biografi, pemikiran pembaharuan dan sumbangan dalam perkembangan fiqh dan falak. Manakala

kajian mengenai pemikiran hukum hanya dibincangkan secara umum dan ringkas sahaja. Justeru, memandangkan ketokohan Syeikh Tahir dalam pelbagai bidang ilmu tiada kajian ilmiah berkaitan pemikiran hukum penulis akan mengkhususkan satu kajian berhubung pemikiran hukum beliau dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*.

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan ilmu tentang cara menghasilkan penyelidikan.<sup>43</sup> Ia merupakan suatu masalah penting dalam penelitian ilmiah kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran kajian.<sup>44</sup> Apabila metode-metode yang digunakan betul dan sesuai dengan objek serta tujuan, sesuatu kajian itu menjadi lebih baik dan bermutu. Dengan menggunakan kaedah ini, data-data dan fakta-fakta dapat dihuraikan dengan baik serta bertepatan dengan kehendak tajuk kajian. Antara metode-metode yang digunakan oleh penulis dalam kajian penyelidikan ini ialah:

1. Metode Penentuan Subjek
2. Metode Pengumpulan Data
3. Metode Analisis Data

---

<sup>43</sup> Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Jogjakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, 1982), 51.

<sup>44</sup> Koentjaraningrat, *Metod-Metod Penelitian Masyarakat* (Jakarta: Pt Gramedia, 1977), 16.

### 1.7.1 METODE PENENTUAN SUBJEK

Melalui metode ini, penulis memilih kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah* karya Syeikh Tahir sebagai subjek utama untuk dijadikan kajian. Metode penentuan subjek ini sangat penting sebagai sampel yang diambil data-data bagi menjalankan kajian. Selain itu, dengan penentuan subjek juga akan menghadkan skop kajian dan ini adalah penting bagi memudahkan penulis merangka struktur kajian dan pengumpulan data. Dalam menentukan subjek ini, penulis telah melihat dan meneliti beberapa kajian dan topik-topik yang berkaitan dengan tajuk penulis.

### 1.7.2 METODE PENGUMPULAN DATA

Metode seterusnya yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah dari sudut pengumpulan data. Data diertikan sebagai fakta, perkataan, surat, rajah, carta, atau simbol yang mewakili objek, situasi, keadaan atau idea dalam sesuatu kajian.<sup>45</sup> Secara keseluruhannya dapatlah penulis nyatakan bentuk metodologi penulisan disertasi ini dikategorikan sebagai Kajian Perpustakaan atau (*library research*) yang mana ia adalah satu teknik seseorang penyelidik berusaha mendapatkan data-data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen atau rekod.<sup>46</sup> Untuk mendapatkan data-data yang berkaitan, pengumpulan dijalankan melalui kajian perpustakaan yang meliputi segala bahan yang

---

<sup>45</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 259.

<sup>46</sup> Mohd Safie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987), 41.

berhubung kait dengan pemikiran hukum Syeikh Tahir. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian perpustakaan metode ini melibatkan proses mencari, mendapatkan dan seterusnya menganalisis penulisan, penerbitan, buku, kajian lepas, jurnal, majalah, makalah dan sebarang bentuk penulisan yang berkaitan dengan tajuk dan skop kajian.

Penulis mengunjungi pusat-pusat yang manjadi tumpuan untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan, tempat-tempat tersebut adalah Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Pusat Islam JAWI, serta koleksi buku-buku persendirian daripada rakan-rakan. Bagi menjayakan kajian ini penyelidik bersandarkan kepada sumber-sumber teras lama dan moden.

**i ) SUMBER-SUMBER PRIMER :** Buku-buku yang menjadi rujukan utama adalah kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fī al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah* dan karya-karya penulisan Syeikh Tahir yang tersimpan di Arkib Negara seperti *Huraian yang membakar Taman Persuraian Haji Bakar, Risalah Penebas Bidaah-bidaah di Kepala Batas, Natijat al-'Umur, Perisai Orang-Orang Beriman Pengisai Mazhab Orang Qadiani, Majalah al-Imam, Majalah Pengasuh, Majalah Ikhwan, Surat-surat Fatwa, Surat soal jawab agama, Surat-surat persendirian, Artikel penulisan dan Catatan peribadi.*

**ii ) SUMBER-SUMBER SEKUNDER :** Penyelidik juga perlu merujuk kepada sumber-sumber baru seperti kajian-kajian ilmiah di universiti-universiti, buku-buku, tesis dan disertasi, jurnal fiqh dan syariah, jurnal-jurnal sejarah, jurnal Bahasa Melayu, jurnal Kajian Malaysia, jurnal Jebat, kertas kerja, makalah, majalah, akhbar-akhbar, artikel, rencana serta lama-laman web rasmi seperti laman web Jakim dan laman web Jabatan Mufti Pulau Pinang yang banyak memberikan maklumat yang terkini mengenai pengajian Ilmu Islam.

### **1.7.3. METODE DOKUMENTASI**

Metode dokumentasi ialah metode pengumpulan data yang didapati dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji.<sup>47</sup> Dokumen bererti benda-benda tertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan.<sup>48</sup> Ianya termasuk kumpulan-kumpulan buku, peraturan, keputusan-keputusan pengadilan, gambar-gambar, potret-potret dan sebagainya.<sup>49</sup> Al-Qur'ān dan kitab hadis juga dianggap sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin kualitinya. Penulis mengumpulkan data dan maklumat tokoh yang dikaji melalui pelbagai sumber baik bahan primer mahupun sekunder seperti buku asal, manuskrip, jurnal, kajian ilmiah, kertas kerja seminar, akhbar, majalah dan juga bahan rujukan elektronik. Bahan-bahan tersebut diperolehi dari Arkib Negara Malaysia, perpustakaan-perpustakaan di Pusat Pengajian Tinggi, laman web dan sebagainya.

---

<sup>47</sup> Abd Halim Hj. Mat Diah, *Risalah: Suatu Contoh tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987), 117.

<sup>48</sup> Imam Barnadib, "Arti dan Metode," 55.

<sup>49</sup> *Ibid.*

#### **1.7.4 METODE HISTORIS**

Metode historis atau sejarah merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kajian. Penggunaan metode ini bertujuan memperoleh data yang tepat dan lengkap serta berkaitan dengan nilai sejarah.<sup>50</sup> Kaedah ini merupakan kaedah pengumpulan dan penafsiran sesuatu peristiwa yang wujud pada masa lampau. Ini kerana penelitian sejarah mengandungi fakta-fakta yang sah dan tidak boleh diselewengkan. Oleh itu, penulis perlu meneliti dengan sebaiknya sebelum mencatat sesuatu fakta. Penulis akan menggunakan metode ini untuk mendapatkan fakta-fakta sejarah mengenai biografi, keluarga, pendidikan, sejarah dan latar belakang Syeikh Tahir.

#### **1.7.5 METODE ANALISIS DATA**

Metode Analisis data boleh difahami dengan proses menghuraikan masalah kajian berasaskan persoalan kajian dengan tujuan menjelaskan objektif yang dinyatakan.<sup>51</sup> Analisis data digunakan bagi menganalisis dan mengolah data-data serta maklumat yang telah dikumpulkan dari pelbagai sumber sebelum ini untuk dijelaskan untuk menghasilkan rumusan yang baik, data yang dianalisis mempunyai kekuatan dan berkualiti dan valid. Penulis akan menggunakan metode analisis kandungan terutama di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah* untuk menghuraikan persoalan kajian dan objektif yang

---

<sup>50</sup>*Ibid.*, 52.

<sup>51</sup> Idris Awang, Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam, (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009), 94.

dinyatakan dengan cara yang betul dan tepat. Metode ini akan diterapkan dalam semua bab.

## **1.8 PEMBAHAGIAN BAB**

Penulisan ini akan membahaskan tentang pemikiran dan metodologi penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*. Secara umumnya penulisan dalam disertasi ini mengandungi beberapa bab dan penulis membahagikannya kepada lima bab. Di dalam bab yang pertama pembahasan tentang pendahuluan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi serta kajian lepas huraian terhadap penulisan terdahulu yang dapat membantu dan memperlengkapkan kajian ini.

Di dalam bab yang kedua membincangkan riwayat hidup Syeikh Tahir, antara perkara-perkara yang menjadi topik perbincangan seperti nama dan kelahiran, keperibadian dan akhlak, pendidikan dan guru-guru, perkahwinan, kajian juga mengupas suasana zaman Syeikh Tahir yang meliputi suasana keilmuan, suasana masyarakat dan suasana politik, karya-karya Syeikh Tahir termasuklah karya beliau di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Arab serta kewafatan beliau. Bab ketiga adalah berkaitan dengan metodologi penulisan beliau di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah*. Dalam bab ini, penulis akan membahaskan tentang pendahuluan kitab, pengertian tajuk, huruf, bentuk tulisan, dakwat dan bahasa, baris dan nombor halaman. Perbahasan juga



memfokuskan kepada kandungan dan objektif penulisan, persoalan *khilāfiyyah* di dalam kitab, persoalan solat sunat *qabliyyah* Jumaat, konflik aliran pemikiran tradisionalisme dan reformisme, kelahiran gerakan islah di Tanah Melayu, persepsi agama Syeikh Tahir serta kesan, polemik serta konflik kepada masyarakat.

Bab keempat pula ialah dapatan kajian dan analisa data. Dalam bab ini, penulis akan mengemukakan dapatan kajian berdasarkan kepada penelitian kitab *Ta'yīd Tadhkirah* serta penganalisan maklumat dan data yang diperolehi. Perkara utama yang dibincangkan ialah metodologi penulisan kitab dan lontaran pemikiran hukum Syeikh Tahir di dalam membina hujjah bagi sesuatu hukum. Dalam bab kelima, penulis akan membuat penutup dan kesimpulan daripada kajian yang telah dijalankan serta saranan penulis kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang ini. Disertasi ini akan diakhiri dengan salinan muka hadapan kitab *Ta'yīd Tadhkirah* dan bibliografi, iaitu rujukan yang telah digunakan oleh penulis sepanjang menjalankan kajian ini.